Praktis Topikal 3

Bahagian A Soalan Objektif

Jawab **semua** *soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling* **tepat.**

1 Apakah yang dimaksudkan dengan Zaman Prasejarah?
- **A** Zaman selepas kewujudan manusia
- **B** Zaman sebelum kewujudan manusia
- **C** Zaman sebelum kemerdekaan negara
- **D** Zaman sebelum manusia mengetahui dan mengenal tulisan

2 Zaman Prasejarah dibahagikan kepada dua, iaitu
- I Zaman Batu
- II Zaman Logam
- III Zaman Air Batu
- IV Zaman Purba Kala

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

3 Apakah yang dilakukan oleh manusia pada Zaman Logam?
- I Melakukan aktiviti pelayaran
- II Menjalankan aktiviti pertanian
- III Memburu binatang dan menangkap ikan
- IV Menjalankan aktiviti pertukaran barangan dan peralatan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4 Pilih Zaman Prasejarah dengan tempoh masanya yang betul.

	Zaman Prasejarah	Tempoh masa
A	Neolitik	12 000 – 4 000 SM
B	Logam	3 500 SM – 500 M
C	Paleolitik	10 000 – 2 000 SM
D	Mesolitik	2.5 juta tahun – 8 000 SM

5 Manakah antara berikut merupakan lokasi Zaman Prasejarah di dunia?
- I Gua Tabon, Filipina
- II Altamira, Sepanyol
- III Catal Huyuk, Turki
- IV Ban Chiang, Thailand

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

6 Peta 1 menunjukkan lokasi Zaman Prasejarah di dunia.



Peta 1

Apakah **X**?
- **A** Bhimbetka, India
- **B** Gobekli Tepe, Turki
- **C** Zhoukoudian, China
- **D** Gua Chauvet, Perancis

7 Berikut menunjukkan bukti kehidupan manusia Zaman Prasejarah di Asia Tenggara.

> Rangka *Perak Man* yang berusia antara 11 000 – 10 000 SM.

Di manakah rangka tersebut ditemukan?
- **A** Sa Hyun, Vietnam
- **B** Lenggong, Malaysia
- **C** Ban Chiang, Thailand
- **D** Gua Padah-lin, Myanmar

8 Ciri-ciri kehidupan manusia Zaman Prasejarah dapat ditentukan melalui
- I peralatan
- II aktiviti sosial
- III corak kehidupan
- IV pengumpulan makanan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9 Apakah persamaan kehidupan manusia Zaman Paleolitik dengan Zaman Neolitik?
- **A** Kesenian dan kebudayaan
- **B** Pengumpulan makanan
- **C** Kegiatan ekonomi
- **D** Organisasi sosial

LIVEWORKSHEETS

10 Maklumat berikut berkaitan dengan organisasi sosial Zaman Prasejarah.

X	Y
• Masih lagi hidup dalam kelompok kecil dan secara nomad • Tiada organisasi sosial yang tersusun	• Kehidupan manusia lebih tersusun • Pembentukan sebuah pentadbiran

Apakah **X** dan **Y**?

	X	Y
A	Zaman Paleolitik	Zaman Neolitik
B	Zaman Neolitik	Zaman Mesolitik
C	Zaman Mesolitik	Zaman Logam
D	Zaman Logam	Zaman Paleolitik

11 Antara berikut, yang manakah merupakan lokasi Zaman Logam di Malaysia?

I Tingkayu, Sabah
II Gua Kecil, Pahang
III Sungai Tembeling, Pahang
IV Lembah Bernam, Selangor

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

12 Peta 2 menunjukkan lokasi Zaman Prasejarah di Malaysia.



Peta 2

Apakah Zaman Prasejarah tersebut?

A Zaman Paleolitik
B Zaman Mesolitik
C Zaman Neolitik
D Zaman Logam

13 Maklumat berikut berkaitan dengan lokasi Zaman Prasejarah di Malaysia.

- Gua Madai, Sabah
- Jenderam Hilir, Selangor

Lokasi berikut dapat dikaitkan dengan Zaman

A Logam
B Neolitik
C Paleolitik
D Hoabinhian

14 Apakah bukti yang menunjukkan kewujudan Zaman Prasejarah di Malaysia?

I Penemuan peralatan emas dan gangsa
II Penemuan ideofak di tapak perkuburan
III Penemuan tembikar pelbagai bentuk, saiz dan corak
IV Penemuan lukisan dan ukiran kayu yang menggambarkan kehidupan harian manusia

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

15 Gambar berikut menunjukkan peralatan Zaman Prasejarah.

Loceng gangsa

Di manakah peralatan tersebut dijumpai?

A Raub, Pahang
B Klang, Selangor
C Sungai Tembeling, Pahang
D Kampung Pencu, Muar, Johor

16 Masyarakat Zaman Prasejarah mengamalkan kepercayaan dan memberi penghormatan kepada orang mati.
Apakah yang dapat membuktikan pernyataan tersebut?

A Penemuan Batu Patung
B Penemuan ideofak di perkuburan
C Penemuan ukiran pada batu megalit
D Penemuan barang kemas di sisi mayat

LIVEWORKSHEETS